

BAB VI

SUMBANGAN TOKOH DALAM BIDANG PENTADBIRAN ISLAM

BAB VI

SUMBANGAN TOKOH DALAM BIDANG PENTADBIRAN ISLAM

Dato' Haji Ismail merupakan salah seorang Mufti kerajaan negeri Kelantan yang berwibawa dan dikenali ramai.¹ Beliau terkenal di kalangan masyarakat dengan tulisan-tulisannya dalam berbagai bidang dan merupakan seorang tokoh ilmuan Islam yang telah menabur bakti, hampir 20 tahun beliau mencurahkan bakti dalam perkembangan pendidikan Islam dan 19 tahun dalam pentadbiran Islam di Kelantan. Beliau dan Dato' Haji Muhd. Noor bin Haji Ibrahim merupakan gandingan dua tokoh ulama' yang mantap sehingga meletakkan institusi Mufti pada ketika itu di peringkat yang amat berwibawa.

Ketokohan Dato' Haji Muhd. Noor dalam menguasai ilmu-ilmu Islam diserlahkan lagi dengan gandingan Dato' Haji Ismail yang merupakan seorang ulama' yang tekun dalam menghasilkan buku-buku dan tulisan agama disamping penguasaannya dalam ilmu-ilmu alat. Dan pada waktu yang sama mereka berdua adalah hafiz al-Quran.²

Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang pentadbiran agama Islam, beliau telah mencurahkan bakti yang amat berharga untuk umat Islam di negeri Kelantan dan Malaysia amnya. Semasa beliau menjadi Timbalan Mufti dan Mufti kerajaan negeri

¹ Che Ismail bin Che Daud (1992), " Satu Abad Mufti Kerajaan Negeri Kelantan", dalam *Pengasuh*, Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 405, Jan-Feb 1992, h. 45.

² Temuramah dengan Dato' Muhd. Shukri bin Muhammad, Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan di pejabat beliau, Pejabat Mufti, Kompleks JAHEAIK, Lundang pada 30hb. Mei 2002.

berbagai masalah dan persoalan besar yang dibangkitkan, antaranya “Fitnah Kafir Mengkafir” , “Amanah Saham Nasional” dan beberapa isu-isu lain. Isu-isu tersebut dapat ditangani dengan pandangan beliau yang mantap dan dapat diterima oleh masyarakat pada hari ini. Bagi menghargai jasa beliau itu, baginda Sultan Kelantan telah menganugerahkan pingat Darjah Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang pada tahun 1980.

1. BIDANG PENTADBIRAN ISLAM

Almarhum Dato’ Haji Ismail telah memulakan kerjayanya dalam bidang pentadbiran agama Islam dengan menjawat jawatan Qadhi jajahan Kota Bharu. Beliau dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri ke jawatan tersebut di atas nasihat Dato’ Haji Muhd. Noor yang pada ketika itu adalah Mufti kerajaan negeri kerana ingin mendedahkan beliau mengenai hal-hal perundangan dan kehakiman sebelum dilantik menggantikan beliau. Ini kerana pada ketika itu Mufti adalah merangkap pengerusi mahkamah rayuan.³

Beliau dilantik pada 1hb. Mei 1969,⁴ walaupun jawatan tersebut disandangnya selama beberapa bulan sahaja namun beliau telah menjalankan tugasnya dengan baik. Setelah itu beliau berpindah ke jawatan Pendaftar di Pejabat Mufti merangkap Setiausaha Mufti. Semasa di jawatan tersebut beliau banyak membantu Mufti Dato’ Haji Muhd. Noor dalam hal-hal yang bersangkutan soal jawab agama dan kadang-

³ *Ibid.*

⁴ Abdul Razak Mahmud (1997), *op.cit.* h. 56.

kadang urusan pentadbiran pejabat semasa ketiadaan Mufti.⁵ Kepercayaan ini diberikan oleh Dato' Mufti Haji Muhd. Noor kepada beliau kerana persahabatan yang sekian lama terjalin di antara mereka sejak di Jamie' Merbau lagi disamping ketokohan beliau.⁶

Pada tahun 1979 jawatan Setiausaha Mufti telah dibubar dan diwujudkan jawatan Timbalan Mufti. Beliau merupakan orang yang pertama menjawat jawatan tersebut. Dengan perubahan ini beliau dilantik sebagai pegawai agama gred S3 dengan beberapa tugas-tugas baru dan sedia ada, antaranya ialah :⁷

- i. Bertanggungjawab mengawasi perjalanan pentadbiran Pejabat Mufti.
- ii. Memproses segala permintaan untuk mendapat fatwa, pandangan dari orang awam, badan-badan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan.
- iii. Membantu Mufti dalam mana-mana mesyuarat atau muzakarah yang memerlukan kehadiran atau semasa ketiadaan atau keuzuran Mufti.
- iv. Memikir dan merancang bentuk-bentuk penyelidikan yang berkaitan dengan akidah, syariah dan sosial yang mungkin timbul akibat daripada dasar atau suatu aliran yang berlaku.
- v. Mewakili Mufti memberi penerangan kepada orang ramai dalam perayaan agama atau pertubuhan semasa ketiadaan atau keuzuran Mufti.
- vi. Membantu Mufti menyemak sebarang tulisan keagamaan yang memerlukan semakan.

⁵ Temuramah dengan Dato' Muhd. Shukri bin Muhammad, *op.cit.*

⁶ *Ibid.*

⁷ *Pengenalan Ringkas Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Kelantan (2000)*, Kota Bharu : Pejabat Mufti Kerajaan Kelantan, 2000, h. 9-11.

- vii. Memikir dan menyelidik perkara yang boleh dibawa kepada memberi fatwa.
- viii. Menyusun dan membuat kajian terhadap fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh negara-negara Islam yang lain untuk memastikan sama ada fatwa tersebut itu boleh diterima pakai di negara ini atau tidak.
- ix. Menyusun dan membuat kajian terhadap fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Jabatan Agama Islam negeri-negeri.
- x. Membuat kertas kerja untuk dibawa ke Majlis fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa yang berkenaan.
- xi. Mewakili Mufti dalam urusan pejabat semasa Mufti bercuti lebih daripada 15 hari.
- xii. Mewakili Mufti dalam ujian bakal-bakal imam.
- xiii. Merangka rang-rang jawapan kepada surat sulit dan juga menyimpan fail-fail sulit.
- xiv. Mendaftar dan menjaga serta menyediakan kitab-kitab untuk kegunaan pejabat.
- xv. Menyediakan khutbah Jumaat, Hari Raya dan Doa Istiadat Kerajaan.
- xvi. Menjadi ahli Jawatankuasa Syariah Negeri.
- xvii. Bertanggungjawab kepada Mufti dalam perkara kawalan dan disiplin serta laporan prestasi kakitangan Pejabat Mufti.
- xviii. Bertanggungjawab menyusun segala urusan penyediaan laporan dan belanjawan tahunan.
- xix. Tugas-tugas lain yang diarah dari masa ke semasa.

Dalam tempoh 8 tahun sebagai Setiausaha Mufti, berbagai usaha dan bakti telah diberikan kepada perkembangan Islam di Kelantan antaranya mempengerusikan beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Penyediaan Khutbah dan Jawatankuasa

Panel Pengkaji Buku Hadith⁸ disamping menjadi ahli Jamaah Ulama' MAIK sejak tahun 1968.⁹ beliau juga telah membentangkan beberapa kertas kerja sama ada di peringkat negeri atau kebangsaan sepanjang tempoh tersebut antaranya ialah "Fatwa Amanah Saham", "Hubungan Hukum Syara' Dengan Masalah Bani Insan" dan "Tarikat Naqsyabandiyyah".

Setelah Dato' Haji Muhd. Noor meninggal dunia pada 31hb. Febuari 1987 maka Dato' Haji Ismail telah dilantik menggantikan almarhum Dato' Haji Muhd. Noor sebagai Mufti Kerajaan Negeri bermula dari 1hb. April tahun yang sama ketika berusia 72 tahun. Beliau mengakhiri sumbangannya terhadap Islam sebagai seorang Mufti yang ke 10 pada 9hb. Julai 1988 setelah setahun dilantik sebagai Mufti. Antara tugas-tugas Mufti yang telah dijalankan ialah :

- i. Sebagai penasihat kepada Sultan / Kerajaan Negeri bagi semua perkara berkaitan dengan hukum syarak.
- ii. Sebagai Ketua Jabatan kepada Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Kelantan.
- iii. Bertanggungjawab mengeluarkan fatwa mengenai masalah / isu yang dibangkitkan oleh kerajaan negeri, pertubuhan dan orang perseorangan.
- iv. Sebagai pengerusi kepada jawatankuasa-jawatankuasa berikut :
 - a. Jawatankuasa Jemaah Ulama' Kelantan
 - b. Jawatankuasa Melihat Anak Bulan
 - c. Jawatankuasa Pondok Morden

⁸ Tengku Abdul Aziz bin Tengku Mohd. Hamzah (1968), *Penyata Tahunan MAIK Tahun 1968*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 18.

⁹ Penyata Tahunan MAIK Bagi Tahun 1986. Dokumen no. (MULKN. D231/344/86 (10) di Perpustakaan Islam MAIK Kota Bharu, h. 18.

- d. Jawatankuasa Tahfiz al-Quran
 - e. Jawatankuasa Penyelenggaraan Waktu Solat
 - f. Jawatankuasa Ulul Mubin Masjid Muhammadi
- v. Bertanggungjawab menyelesaikan masalah agama yang timbul berkaitan dengan hukum agama , aqidah dan sebagainya.¹⁰

Dalam bidang yang lebih luas, beliau diberi kepercayaan menganggotai berbelas-belas jawatankuasa, lembaga, jemaah, majlis, panel dan seumpamanya baik di peringkat negeri mahupun di peringkat kebangsaan. Atas nama jawatannya sebagai Mufti kerajaan, sejak 1987, beliau turut dilantik menjadi ahli Majlis Penasihat Raja dan ahli Perajaan Negeri. Akhir sekali pada 9hb. November 1987 beliau mempengerusikan Dewan Syura MAIK yang baru ditubuhkan.¹¹

2. BIDANG MASYARAKAT

Disamping menjalankan rutin harian almarhum Dato' Haji Ismail tidak melupakan tanggungjawab sosialnya untuk berkhidmat dan berdakwah kepada masyarakat. Beliau telah mengikuti program "syarahan keliling" yang dianjurkan oleh MAIK semenjak tahun 1970 sebagai salah seorang tenaga pengajar. Program tersebut diadakan pada setiap pagi Jumaat bermula dari jam 9.00 pagi hingga 10.30 pagi di

¹⁰ *Ibid.* h. 7-8.

¹¹ Che Ismail bin Che Daud (1992), *op.cit.* h. 37.

setiap masjid bandar di seluruh negeri Kelantan.¹² Antara tenaga pengajar yang turut menjayakan program tersebut ialah Dato' Haji Ismail bin Haji Yusoff mengajar ilmu Tauhid, Ustaz Nik Aziz bin Nik Mat mengajar Tafsir, Haji Nik Ismail bin Nik Abdul Rahman mengajar Hadith dan Haji Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman mengajar Fiqh.¹³

Program tersebut mendapat sambutan yang mengalakkan dari masyarakat Islam setempat sehingga mencecah 500 orang yang hadir pada setiap kali kuliah. Antara faktor yang mendorong sambutan terhadap program tersebut kerana syarahan disampaikan oleh tokoh-tokoh ulama' yang berwibawa¹⁴ dan hingga ke hari ini kuliah pagi Jumaat seakan menjadi satu agenda mingguan bagi masyarakat Islam Kelantan.

Jadual 6.1

KEHADIRAN KULIAH PAGI JUMAAT MENGIKUT MASJID JAJAHAN

Bil	Masjid	Kehadiran
01	Masjid Muhammadi, Kota Bharu	400 orang
02	Masjid Ismaili, Tumpat	300 orang
03	Masjid Pasir Mas	400 orang
04	Masjid Ismail Petra, Tanah Merah	500 orang
05	Masjid Mahmudi, Bachok	300 orang
06	Masjid Ibrahim, Pasir Puteh	500 orang

¹² Laporan Tahunan MAIK Tahun 1970, h. 14.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Temuramah dengan Dato' Muhd. Shukri, *op. cit.*

Jadual 6.1 (Sambungan)

Bil	Masjid	Kehadiran
07	Masjid Sultan Yahya Petra, Machang	500 orang
08	Masjid Kuala Krai	250 orang
Jumlah		3,150 orang

Sumber : *Penyata Tahunan MAIK Tahun 1975*

Disamping itu beliau juga mempengerusikan Jawatankuasa Dakwah PERKIM negeri Kelantan¹⁵ dan melakukan kerja sosial yang lain. Setelah diteliti dari sudut sumbangan dan peranan yang telah dicurahkan oleh Dato' Haji Ismail kepada masyarakat Kelantan jelaslah menunjukkan beliau adalah seorang tokoh ulama' yang banyak berjasa kepada agama, bangsa dan tanah air. Beliau telah melibatkan diri dalam semua bidang seperti pendidikan, penulisan, pentadbiran agama, perundangan dan dakwah. Hasil dari keterlibatan itu beliau telah melahirkan angkatan ulama' pelapis selepasnya dan menghapuskan kekeliruan yang dihadapi oleh umat Islam melalui penulisannya.

¹⁵ Muhamad Yunan bin Mahmud (1989). *op.cit*, h. 171.